

25/08/2003

Latih guru tangani isu disiplin

TEGURAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tindakan disiplin terhadap pelajar yang terbabit dalam kegiatan ala samseng di sekolah dibuat bersungguh-sungguh, perlu diberi perhatian semua pihak kerana masalah berkenaan semakin serius sejak kebelakangan ini. Kita perlu sedar bahawa kegiatan pelajar berkenaan boleh mempengaruhi pelajar lain, sekali gus merosakkan masa depan mereka. Sebagai bakal pemimpin masa depan, mereka tidak sepatutnya dibiarkan terdedah kepada gejala negatif seperti itu. Sehubungan itu, tindakan penyingkiran 20 pelajar tingkatan lima Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) di Ipoh kerana cuba menghidupkan budaya 'High Council' bagi membuli dan menekan pelajar junior, sememangnya wajar.

Sekolah adalah tempat untuk menimba pengetahuan dan tidak sepatutnya dicemari oleh tindakan kumpulan tertentu yang tidak berdisiplin dan terpengaruh dengan budaya asing. Sebenarnya, budaya ala samseng ini bukan hanya berlaku di bandar, malah di sekolah luar bandar, termasuk di rancangan Felda. Bagaimanapun, ada sekolah yang cuba menyembunyikan kes seperti ini kerana bimbang nama sekolah berkenaan buruk. Sewajarnya, Kementerian Pendidikan memberi perhatian serius terhadap masalah ini dan melatih pengetua, guru besar dan guru disiplin cara terbaik menangani pelajar yang terbabit dengan kegiatan seperti itu.